

PENGLIBATAN RASUAH DI KALANGAN AGENSI PENGUATKUASAAN KERAJAAN: SATU ANALISIS LAPORAN BERITA TEMPATAN

COMPLICITY IN CORRUPTION AMONG GOVERNMENT'S ENFORCEMENT AGENCY: AN ANALYSIS OF LOCAL NEWS REPORT

Ahmad Nasyran Azrae¹
Haji Hairuddin Megat Latif²
Khadijah Mohamed³

^{1,2,3} Pusat Pengajian Undang-undang, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia.

Email: ¹nasyran@uum.edu.my, ²hairuddin@uum.edu.my, ³khadijah@uum.edu.my

Accepted date: 16-12-2018

Published date: 31-12-2018

To cite this document: Azrae, A. N., Megat Latif, H. H. & Mohamed, K. (2018). Penglibatan Rasuah Di Kalangan Agensi Penguatkuasaan Kerajaan: Satu Analisis Laporan Berita Tempatan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3 (13), 218-235.

Abstrak: Amalan rasuah melibatkan penjawat awam, khususnya dikalangan agensi penguatkuasa kerajaan, sering mendapat liputan meluas laporan berita tempatan kerana urusan mereka melibatkan kepentingan awam secara keseluruhan. Agensi penguatkuasa kerajaan yang sering terpalit dengan gejala rasuah ialah Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Kertas kerja ini menganalisis penglibatan tiga agensi penguatkuasaan kerajaan yang utama, iaitu PDRM, JIM dan JKDM, di dalam gejala rasuah seperti yang dilaporkan di dalam berita tempatan melibatkan penahanan, penangkapan, pendakwaan dan sabitan kes rasuah di kalangan anggota PDRM, JIM, dan JKDM di sepanjang tahun 2017 sehingga Jun 2018. Dapatan kertas kerja ini menunjukkan bahawa kes tangkapan, penahanan serta pendakwaan bagi kesalahan rasuah melibatkan agensi penguatkuasa kerajaan berlaku hampir setiap bulan di sepanjang tahun, seperti yang dilaporkan berita tempatan. Ia melibatkan nilai sogokkan yang sekecil-kecilnya hinggalah kepada nilai suapan jutaan ringgit, dan dari anggota bawahan sehinggalah pegawai kanan jabatan terbabit.

Kata Kunci: Rasuah, Agensi Penguatkuasa Kerajaan, Polis, Imigresen, Kastam

Abstract: The practice of corruption involving public servant, especially among government enforcement agencies, regularly attracts widespread coverage from local news report because their affairs implicate public interest in general. The government enforcement agencies that are regularly associated with corrupt practices are the Royal Malaysia Police

(RMP) the Immigration Department of Malaysia (IDM), and the Royal Malaysian Customs Department (RMCD). This working paper analyses the complicity of the main government enforcement agencies, namely RMP, IDM and RMCD, in corrupt practices as reported in the local news involving detention, arrest, prosecution and conviction of corruption cases among members of RMP, IDM and RMCD from 2017 until Jun 2018. The findings from this working paper show that cases on the arrest, detention and prosecution for corruption offences involving the government enforcement agencies take place almost every month throughout the year as reported in the local news. They involve the smallest amounts of graft to millions of ringgit in bribe value, and from the lower-rank members to the senior officers of the relevant department.

Keywords: *Corruption, Government Enforcement Agency, Police, Immigration, Customs*

Pendahuluan

Malaysia kini berdepan dengan krisis integriti yang berpunca daripada amalan rasuah yang berleluasa. Amalan rasuah bukan hanya terbatas kepada penjawat awam, tetapi turut menular di kalangan orang awam dan sektor swasta. Kesan dari penularan amalan rasuah kepada sesebuah negara adalah merugikan, dimana ia boleh mencemarkan imej kerajaan dan negara di mata masyarakat dunia, mengurangkan pendapatan negara akibat dari ketirisan dan pengelakan cukai, mengurangkan kemasukan pelabur asing yang tidak yakin dengan kestabilan ekonomi negara, serta merencatkan pertumbuhan ekonomi negara yang akhirnya menyumbang kepada kenaikan inflasi (al-Qudsy et al 2009; al-Marhubi, 2000; Rock and Bonnett, 2004).

Secara amnya, kes melibatkan tangkapan rasuah telah merekodkan penurunan sejak dua tahun kebelakang. Statistik oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menunjukkan kes tangkapan melibatkan rasuah pada tahun 2017 merekodkan penurunan sebanyak 6.09% dari tahun sebelumnya. Pada tahun 2017, sebanyak 879 kes tangkapan rasuah telah dibuat oleh SPRM. Daripada jumlah ini, 409 kes (46.5%) melibatkan penjawat awam dan baki 470 (53.5%) melibatkan orang awam dan sektor swasta. Bagi tahun 2018, statistik setakat bulan Jun 2018 menunjukkan sebanyak 365 kes tangkapan melibatkan rasuah telah dibuat oleh SPRM, penurunan sebanyak 27% daripada jumlah tangkapan bagi tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Setakat Jun 2018, kes tangkapan terbanyak adalah melibatkan orang awam dan sektor swasta sebanyak 218 kes, manakala baki 147 kes adalah dikalangan penjawat awam (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, n.d.).

Daripada statistik yang dipaparkan, sebanyak 124 kes melibatkan penjawat awam telah disabitkan dengan kesalahan rasuah sepanjang tahun 2017 sehingga Jun 2018 (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, n.d.). Amalan rasuah dikalangan penjawat awam boleh berlaku dalam semua peringkat jawatan, samada dari kumpulan pengurusan tertinggi, kumpulan pengurusan dan profesional, mahupun kumpulan sokongan. Berbanding dengan orang awam dan sektor swasta, kes rasuah melibatkan penjawat awam sering mendapat liputan meluas laporan berita tempatan kerana urusan mereka melibatkan kepentingan awam secara keseluruhan.

Kertas kerja ini akan membuat analisis ke atas keterlibatan penjawat awam di dalam gejala rasuah seperti yang dilaporkan di dalam laporan berita tempatan. Kumpulan penjawat awam yang menjadi fokus perbincangan ialah agensi penguatkuasaan kerajaan. Analisis dibuat

berdasarkan laporan berita terpilih berkaitan penahanan, penangkapan, pendakwaan, percakapan dan sabitan rasuah melibatkan agensi penguatkuasaan kerajaan sepanjang 2017 sehingga Jun 2018.

Perbincangan di dalam kertas kerja ini terbahagi kepada tiga bahagian utama. Bahagian pertama menghuraikan definisi amalan rasuah di Malaysia. Bahagian kedua mengenalpasti kumpulan agensi penguatkuasaan kerajaan di Malaysia. Ini diikuti dengan perbincangan utama di bahagian ketiga yang akan menganalisis keterlibatan agensi penguatkuasaan kerajaan di dalam kes-kes membabitkan rasuah berdasarkan laporan berita tempatan terpilih sepanjang 2017 sehingga Jun 2018. Sebagai penutup, satu analisis ringkas daripada perbincangan utama akan dimasukkan di dalam kesimpulan.

Definisi Rasuah

Rasuah merupakan suatu konsep yang kompleks. Secara umumnya, belum ada suatu definisi seragam yang diterima secara universal tentang konsep rasuah setakat ini (Kronqvist, Runesson, & Sörgård, 1997). Black's Law Dictionary (Garner, 2012) mentakrifkan terma rasuah sebagai "perbuatan melakukan sesuatu dengan niat untuk memberi beberapa kelebihan yang bertentangan dengan kewajipan rasmi dan hak-hak orang lain; penggunaan fidusiari atau penggunaan rasmi sesuatu stesyen atau pejabat untuk mendapatkan beberapa keuntungan sama ada secara peribadi atau untuk orang lain, yang melanggar hak orang lain". Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) mendefinisikan rasuah sebagai pemberian untuk menumbuk rusuk iaitu menyogok, menyuap. Perkataan rasuah juga tidak ditakrifkan secara khusus dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009. Hanya perkataan suapan yang ditakrifkan dalam akta ini yang merangkumi beberapa jenis perbuatan yang dinyatakan dalam seksyen 3 perenggan (a) hingga (g) yang termasuk sebagai wang, derma, jawatan, kebesaran, bayaran, balasan berharga, perkhidmatan atau pertolongan serta apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian akta tersebut.

Mengambil kira kerumitan dalam mendefinisikan rasuah, rujukan terhadap dua organisasi peringkat dunia iaitu *Transparency International* dan *The World Bank* adalah wajar memandangkan kebanyakan organisasi juga merujuk kepada definisi rasuah yang digunakan oleh kedua-dua badan ini. Terma rasuah menurut *Transparency International* (n.d.) ialah "penyalahgunaan kuasa yang diamanahkan bagi mendapatkan keuntungan peribadi", manakala menurut *The World Bank* pula ia biasanya ditakrifkan sebagai "penyalahgunaan pejabat awam atau korporat bagi mendapatkan keuntungan peribadi" (Bhargava, 2005).

Kebanyakan penulisan tentang rasuah juga menggambarkan tentang kerumitan untuk mendefinisikan terma ini memandangkan ia boleh wujud dalam pelbagai bentuk dan mencadangkan kajian terhadap terma ini perlu dilihat daripada pelbagai disiplin bidang (Ijiri 1973; Jain, 2001; Lee-Chai and Bargh, 2001, *The World Bank*, 2017). Carr & Stone (2018) misalnya berpendapat bahawa konsep rasuah dipengaruhi oleh penggunaan linguistik, perspektif etika dan nuansa budaya. Menurut mereka, perkataan rasuah dari segi penggunaan linguistik digunakan dalam pelbagai konteks, dari pemerhatian kemerosotan nilai-nilai dalam masyarakat dan perubahan mendalam terhadap sifat seseorang dalam usaha mencapai sesuatu matlamat, hinggalah kepada amalan luar aturan yang menjejaskan sikap adil seseorang dan keadilan itu sendiri. Dari sudut dimensi etika, penerimaan hadiah yang tidak mempunyai nilai ekonomi (misalnya beg kecil yang mengandungi gula-gula) oleh seorang guru daripada pelajar turut membangkitkan persoalan etika apabila pemberian itu dibuat beberapa minggu

sebelum peperiksaan walaupun pemberian dan penerimaan hadiah itu sendiri sebenarnya tidak menyalahi undang-undang. Dari aspek nuansa budaya, sesuatu perbuatan yang kelihatan mencurigakan dan boleh menimbulkan persoalan tentang piawaian etika dalam sesuatu budaya mungkin dianggap sebaliknya dalam suatu budaya yang lain. Misalnya, pemberian hadiah kecil oleh seorang pelajar kepada seorang guru mungkin sebenarnya adalah sebahagian daripada corak sesuatu budaya, sebagai simbol terima kasih.

Di Malaysia sendiri, Syed Hussein Alattas (2015) telah membahaskan konsep rasuah ini lebih daripada 30 tahun yang lampau sebagai “penolakan terhadap kepentingan awam bagi mencapai tujuan peribadi yang melibatkan pelanggaran norma-norma tugas dan kebajikan, yang disertai dengan kerahsiaan, pengkhianatan, penipuan dan pengabaian yang tidak bertanggung jawab ke atas sebarang akibat yang dialami oleh masyarakat”. Beliau juga menghuraikan bahawa tiga jenis rasuah yang sering dirujuk adalah suapan atau penerimaan hadiah oleh seorang pegawai sebagai balasan untuk memberi pertimbangan khusus kepada kepentingan penderma (pemberi suapan), nepotisme atau pelantikan saudara-mara, sahabat, dan sekutu politik dalam pejabat-pejabat awam tanpa merit dan tidak mengambilkira akibatnya terhadap pihak awam, dan pemerasan atau permintaan untuk mendapatkan hadiah sebagai balasan bagi melaksanakan sesuatu tugas awam.

Konsep ini adalah selari dengan definisi rasuah yang diutarakan oleh Nye (1967) yang merujuk rasuah sebagai tingkah laku yang menyimpang daripada kewajipan rasmi peranan awam yang lazimnya disebabkan oleh keperluan peribadi (diri sendiri, keluarga terdekat, kumpulan peribadi) untuk mendapatkan manfaat kewangan atau kedudukan status, atau pelanggaran terhadap sesuatu peraturan akibat pengaruh keperluan peribadi tertentu. Ini termasuklah tingkah laku seperti suapan (penggunaan ganjaran untuk memesonkan penghakiman seseorang yang memegang sesuatu amanah); nepotisme (memberi naungan atas alasan hubungan askriptif dan bukan atas alasan merit); dan penyelewengan (pengagihan haram sumber awam untuk kegunaan peribadi).

Berdasarkan beberapa definisi yang dikemukakan di atas, terma “rasuah” ini bolehlah dirumuskan sebagai suatu perbuatan yang berkisar kepada matlamat untuk mendapatkan keuntungan ekonomi atau keuntungan lain yang dibuat oleh seseorang individu dalam kedudukan kuasanya hasil daripada peranan atau kedudukan individu tersebut dalam sesebuah organisasi atau institusi.

Agensi Penguatkuasaan Kerajaan

Menurut Satar (2018), rasuah dan salah guna kuasa terus berleluasa akibat dari kegagalan agensi penguatkuasa kerajaan yang gagal melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab yang diberikan kepada mereka. Beliau menegaskan, peningkatan kes-kes jenayah melibatkan penyeludupan dadah, penyeludupan manusia, kebocoran di dalam tabung kerajaan, perjudian, penipuan kewangan, pelacuran dan perang perebutan kuasa adalah berpunca dari amalan rasuah dan salah guna kuasa dikalangan agensi penguatkuasa kerajaan yang diamanahkan untuk menjunjung undang-undang (Satar, 2018). Sebagai contoh, Satar (2018) memetik amalan rasuah melibatkan pegawai-pegawai di sempadan merupakan salah satu punca mengapa bahan terlarang seperti dadah, senjata haram, ataupun pendatang haram, penjenayah serta pengganas boleh memasuki negara dengan senang.

Tafsiran kepada ‘agensi penguatkuasaan’ boleh dilihat di dalam Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711). Seksyen 2, manafsirkan ‘agensi penguatkuasaan’ sebagai:

- (a) mana-mana kementerian, jabatan, agensi atau badan lain yang dibentuk oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau kerajaan tempatan termasuk suatu unit, seksyen, bahagian, jabatan atau agensi kementerian, jabatan, agensi atau badan itu, yang diberi fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan oleh mana-mana undang-undang bertulis atau yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan;
- (b) suatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri yang diberi fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri itu atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain; atau
- (c) suatu unit, seksyen, bahagian, jabatan atau agensi sesuatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri yang mempunyai fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan.

Antara agensi penguatkuasaan utama di Malaysia ialah Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri; Mariah Ahmad, 2015). Secara ringkasnya, PDRM dan JIM merupakan agensi penguatkuasa di bawah Kementerian Dalam Negeri, JKDM adalah agensi penguatkuasa di bawah Kementerian Kewangan, JPJ adalah agensi penguatkuasa di bawah Kementerian Pengangkutan, SPRM adalah agensi penguatkuasa di bawah Jabatan Perdana Menteri, manakala PBT yang berjumlah 149 PBT keseluruhannya adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri masing-masing dan turut diselaraskan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Analisis Penglibatan Rasuah Di Kalangan Agensi Penguatkuasaan Kerajaan

Menurut satu laporan akhbar tempatan, agensi penguatkuasa yang sering dikaitkan dengan aktiviti rasuah di Malaysia ialah PDRM, JIM, JKDM dan JPJ (Ismail, 2018). Tan Sri Muhyiddin Yassin, setelah dilantik menjadi Menteri Dalam Negeri selepas Pilihan Raya Umum ke-14, menegaskan bahawa PDRM dan JIM merupakan dua agensi kerajaan yang menerima paling banyak aduan sehingga menimbulkan persepsi negatif terhadap kerajaan. Sebagai contoh, beliau memetik terdapat banyak penipuan dan skandal rasuah membabitkan PDRM dan JIM sehingga menyebabkan isu pengambilan pendatang asing tanpa izin (PATI) tidak dapat diselesaikan (Berita Harian, 2018). Manakala di dalam satu ucapan anjuran JKDM dan Institut Integriti Malaysia, Ketua Pengarah JKDM, Datuk Seri T. Subromaniam, membuat pengakuan mengenai kebenaran sebahagian tuduhan salah guna kuasa dan rasuah yang dilemparkan kepada JKDM. Kebanyakan kes salah guna kuasa melibatkan anggota serta pegawai JKDM berlaku di pintu-pintu masuk utama negara selain bahagian taksiran barang-barang dan pemeriksaan penumpang. Beliau menambah, masalah ketirisan yang berlaku di dalam JKDM berpunca dari pelbagai faktor, di antaranya ialah sikap segelintir pegawai yang tidak berintegriti ketika menjalankan tugas (Manimaran, 2018).

Bagi maksud kertas kerja ini, analisis ke atas keterlibatan agensi penguatkuasaan kerajaan di dalam gejala rasuah akan memfokuskan kepada tiga agensi penguatkuasa sahaja iaitu PDRM, JIM, dan JKDM. Analisis dibuat berdasarkan laporan berita terpilih di dalam laporan berita mengenai penahanan, penangkapan, pendakwaan dan sabitan kes rasuah melibatkan anggota dan pegawai PDRM, JIM, dan JKDM sepanjang tahun 2017 sehingga Jun 2018.

Laporan Penglibatan Rasuah dikalangan Anggota dan Pegawai PDRM (2017-2018)

Februari 2017: Dua anggota PDRM, masing-masing berpangkat Lans Kopral dan Konstabel telah disabitkan dengan hukuman penjara dua tahun dan denda RM30,000 selepas mereka didapati bersalah kerana cuba menerima suapan RM6,000 daripada seorang lelaki sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan bagi kesalahan dikehendaki PDRM serta memiliki kereta seludup di Klang sekitar tahun 2012. Perbuatan kedua-dua anggota PDRM yang berusia 31 dan 33 tahun tersebut adalah satu kesalahan di bawah seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 (Hussin, 2017).

Mac 2017: Seorang anggota PDRM berpangkat Inspektor yang berkhidmat di Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kelang Selatan telah dipertuduhkan dengan dua kesalahan rasuah membabitkan nilai suapan RM15,000. Bagi pertuduhan pertama, tertuduh yang berusia 33 tahun telah didakwa meminta suapan bernilai RM8,500 daripada seorang perempuan Cina pada 13 Januari 2016 di IPD Klang Selatan sebagai dorongan mengurangkan lima pertuduhan terhadap teman lelaki wanita itu yang merupakan seorang suspek bagi suatu kes jenayah. Perbuatan tertuduh adalah menjadi satu kesalahan di bawah seksyen 16 (a)(B) Akta SPRM 2009 (Ruzki, 2017). Bagi pertuduhan kedua, tertuduh telah didakwa memperoleh suapan RM7,000 dari pemberi yang sama pada 14 Januari 2016, satu kesalahan di bawah seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 (Ruzki, 2017).

Mei 2017: Dua ketua polis daerah (OCPD) dari Melaka Tengah dan Jasin, serta seorang pegawai PDRM kontinjen negeri (IPK) Melaka telah direman untuk siasatan rasuah membabitkan kegiatan mengutip wang daripada pengusaha pusat judi haram dan rumah urut di beberapa lokasi sekitar Melaka. Ketiga-tiga suspek berusia antara 46 hingga 54 tahun, dan disiasat mengikut seksyen 16 (a)(B) dan 17(a) Akta SPRM 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram (AMLA) 2001 (Ismail, 2017a). Di samping itu, SPRM turut merampas wang tunai kira-kira RM800,000 di rumah seorang anggota PDRM berpangkat Koperal yang ditahan membabitkan kegiatan mengutip wang daripada pengusaha pusat judi dan rumah urut di beberapa lokasi di Melaka. Wang tunai berkenaan ditemui di dalam stor di rumah anggota PDRM berkenaan yang terletak di kuarters IPK Melaka ketika serbuan dibuat pada 17 Mei 2017. Suspek yang berusia 52 tahun itu bertugas di Bahagian Siasatan Jenayah Maksiat, Judi dan Kongsi Gelap (D7), IPK Melaka, dan dipercayai memainkan peranan untuk mengutip serta mengumpulkan wang daripada pengusaha pusat judi dan rumah urut di beberapa lokasi di Melaka (Annuar, 2017a).

Rentetan dari kes yang sama, seorang pegawai kanan, berpangkat Deputy Superintendan, dari IPD Melaka Tengah telah direman tujuh hari bagi membantu siasatan kegiatan mengutip wang perlindungan daripada pengusaha pusat judi haram dan rumah urut di Melaka. Suspek yang berusia 49 tahun merupakan individu ke-12 direman bagi membantu siasatan mengikut seksyen 16(a)(B) dan 17(a) Akta SPRM 2009 dan Akta AMLA 2001 (Annuar, 2017b). Individu ke-13 yang ditahan bagi kes yang sama ialah seorang pegawai kanan PDRM berusia 51 tahun yang ditahan di Melaka pada 24 Mei 2017. Dengan penahanan tersebut, ia menjadikan sembilan pegawai dan anggota PDRM telah ditahan, masing-masing berpangkat Asisten Komisioner, Deputy Superintendan, Asisten Superintendan dan Koperal (Annuar, 2017c; Annuar, 2017d; Ismail, 2017b).

September 2017: SPRM telah menahan enam anggota PDRM dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah Timur Laut pada 8 September 2017 selepas mereka disyaki meminta rasuah

RM4,500 daripada dua suspek untuk menyelesaikan satu kes dadah. Enam anggota PDRM berkenaan berpangkat Lans Koperal hingga Sarjan dan berusia antara 28 hingga 49 tahun. Terdahulu, kesemua anggota PDRM yang ditahan, telah melakukan serbuan di sebuah rumah di Majestic Height di Paya Terubong, Georgetown, di mana dua lelaki ditahan kerana memiliki empat bungkusan plastik yang mengandungi cecair disyaki air ketum. Mereka bagaimanapun bersetuju menerima suapan RM4,500 untuk menyelesaikan kes itu (Yaakob, 2017).

November 2017: Tiga anggota PDRM berpangkat Lans Koperal telah dipertuduhkan atas dua pertuduhan meminta dan menerima rasuah daripada orang awam. Ketiga-tiga tertuduh yang berusia antara 26 hingga 33 tahun bertugas di Cawangan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) IPD Seri Alam. Bagi kesalahan pertama, ketiga-tiga tertuduh didakwa meminta suapan wang tunai RM5,000 daripada seorang lelaki berusia 33 tahun sebagai dorongan untuk melepaskan lelaki itu dan seorang lelaki lain berusia 35 tahun yang ditahan atas kesalahan memiliki dadah. Perbuatan itu didakwa dilakukan di hadapan sebuah bank di Jalan Masai Jaya 1, Plentong, Johor Baharu pada 9 Oktober 2016. Ia merupakan satu kesalahan mengikut seksyen 16 (a)(B) Akta SPRM 2009 (Yusof, 2017). Ketiga-tiga mereka turut didakwa atas kesalahan kedua kerana menerima suapan wang tunai RM2,250 daripada orang yang sama sebagai dorongan yang sama di Jalan Teratai 18, Taman Johor Jaya, Johor Baharu pada 9 Oktober 2016, satu kesalahan mengikut seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009 (Yusof, 2017).

Disember 2017: Seorang Koperal PDRM telah dijatuhkan hukuman denda RM20,000 dan penjara 52 bulan di atas dua pertuduhan meminta dan menerima rasuah. Bagi kesalahan pertama, pesalah yang berusia 40 tahun telah didapati bersalah di bawah seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009 kerana meminta suapan sebanyak RM500 daripada seorang lelaki untuk diberikan kepada pegawai dan anggota lain supaya membebaskan dua lelaki yang ditahan kerana tiada dokumen perjalanan dan permit kerja yang sah di sebuah restoran di Chembong, Rembau pada 13 dan 14 Januari 2013 (Rodzi, 2017). Manakala bagi kesalahan kedua, pesalah telah disabitkan dengan kesalahan di bawah seksyen 17(a), Akta SPRM 2009 kerana menerima RM400 daripada pemberi yang sama yang dikatakan untuk diberi kepada pegawai dan anggota lain supaya membebaskan dua lelaki yang ditahan kerana tiada dokumen perjalanan dan permit kerja yang sah (Rodzi, 2017).

Februari 2018: Seorang Inspektor Penyiasat Narkotik G di Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Hulu Terengganu telah disabitkan bersalah atas dua pertuduhan rasuah bernilai RM25,000. Bagi kesalahan pertama, tertuduh yang berusia 35 tahun telah didapati bersalah mengikut seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 kerana menerima suapan wang tunai bernilai RM5,000 daripada seorang lelaki pada 20 Ogos 2015 di belakang restoran KFC di Kuala Berang sebagai dorongan untuk tidak menangkap sipemberi yang disyaki terbabit kesalahan dadah (Baharin, 2018b). Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa secara rasuah meminta suapan bernilai RM20,000 daripada lelaki yang sama yang disyaki terbabit kesalahan dadah sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan terhadap beliau. Pertuduhan kedua merupakan satu kesalahan mengikut seksyen 16 (a)(B) Akta SPRM 2009 kerana meminta rasuah, yang telah didakwa dilakukan di sebuah rumah beralamat di Kampung Durian Kassim, Ajil, Hulu Terengganu, pada 15 Ogos 2015 (Baharin, 2018b).

Sementara itu, seorang anggota PDRM berpangkat Koperal telah didakwa meminta suapan bernilai RM500 daripada seorang lelaki sebagai dorongan untuk melepaskan lelaki itu yang melakukan kesalahan semasa menunggang motosikal ketika ditahan dalam satu sekatan jalan

raya. Tertuduh yang berusia 57 tahun, bertugas di Bahagian Tugas-tugas Am dan Ronda Cegah Jenayah (RCJ) Balai Polis Wakaf Tapai, Marang dan telah didakwa melakukan kesalahan itu di balai polis berkenaan pada 13 Februari 2017. Pertuduhan bagi kesalahan tersebut adalah diperuntukan di bawah seksyen 16 (a)(B) Akta SPRM 2009 (Ali, 2018).

Manakala di Melaka, tangkapan pertama melibatkan anggota PDRM bagi tahun 2018 telah dibuat oleh pihak SPRM ke atas seorang anggota PDRM berpangkat Sarjan di sebuah balai polis pada 26 Februari 2018. Anggota PDRM yang berusia 53 tahun itu merupakan ketua di sebuah balai polis di daerah Melaka Tengah. Dia telah ditahan kerana meminta sogokan berjumlah RM6,000 daripada keluarga seorang pesalah berkaitan kes dadah bagi membebaskan suspek yang memiliki dadah itu (Hussin, 2018).

April 2018: Dua anggota PDRM berpangkat sarjan yang bertugas di IPD Besut telah dituduh atas kesalahan meminta dan menerima rasuah. Tertuduh pertama yang berusia 54 tahun telah didakwa dengan niat bersama meminta suapan wang tunai RM1,500 daripada seorang wanita sebagai dorongan untuk tidak menuduh beliau dan anaknya di mahkamah bagi kesalahan menghalang penjawat awam melakukan tugas. Kesalahan tersebut didakwa berlaku pada 25 Februari 2018 di Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah IPD Besut. Pertuduhan yang dikenakan merupakan satu kesalahan mengikut seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009 (Baharin, 2018a). Bagi tertuduh kedua yang berusia 57 tahun, beliau telah didakwa meminta dan memperoleh suapan wang tunai RM800 daripada wanita yang sama, sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan terhadap diri dan anaknya di mahkamah, iaitu satu kesalahan menghalang penjawat awam melakukan tugas. Pertuduhan merupakan satu kesalahan mengikut seksyen 16(a)(B) dan seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 (Baharin, 2018a).

Manakala di Butterworth, dua anggota PDRM, masing-masing berpangkat Lans Koperai dan Konstabel, telah mengaku tidak bersalah atas dua pertuduhan meminta dan menerima rasuah yang dilakukan pada 20 Mei 2017. Kedua-dua tertuduh telah didakwa meminta wang suapan RM1,000 daripada dua lelaki selepas seorang daripada mereka didapati memandu dengan lesen dan cukai jalan tamat tempoh, manakala seorang lagi mempunyai rekod jenayah membabitkan dadah. Bagi pertuduhan kedua, mereka dituduh secara rasuah memperoleh suapan RM500 sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan terhadap dua lelaki terbabit. Kedua-dua tertuduh didakwa mengikut seksyen 16(a)(B) dan seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 (Safini, 2018).

Mei 2018: Seorang pegawai PDRM wanita berpangkat inspektor telah ditahan bagi membantu siasatan kes meminta suapan RM2,000 daripada seorang pekerja swasta sebagai dorongan bagi melepaskan kenderaan utiliti sukan (SUV) milik pekerja itu yang disita atas kesalahan cukai jalan tamat tempoh. Suspek yang berusia 28 tahun merupakan seorang pegawai PDRM dari Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik IPD Klang Selatan. Perbuatan beliau merupakan satu kesalahan mengikut seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 (Mohamed, 2018).

Secara ringkasnya, kes-kes melibatkan penahanan, penangkapan, pendakwaan dan sabitan kes rasuah anggota dan pegawai PDRM dilaporkan berita hampir setiap bulan sepanjang tahun 2017 sehingga Jun 2018. Kebanyakan kesalahan yang dilaporkan berhubung kait dengan perbuatan meminta dan menerima rasuah dari orang awam sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan ke atas pesalah yang ditahan bagi sesuatu kesalahan. Namun, kes penahanan dengan nilai suapan yang besar telah dilaporkan membabitkan kegiatan mengutip wang daripada pengusaha pusat judi dan rumah urut di beberapa lokasi di Melaka.

Laporan Penglibatan Rasuah Di Kalangan Anggota dan Pegawai JIM (2017-2018)

Februari 2017: Seorang pegawai kanan Jabatan Imigresen Perak berusia 57 tahun telah ditahan bersama tiga individu lain kerana disyaki terbabit dalam kegiatan rasuah melibatkan operasi pusat hiburan dan rumah urut di negeri Perak. Tangkapan turut membawa kepada rampasan beberapa barang kes termasuk telefon bimbit milik kesemua suspek bagi membantu siasatan. Walau bagaimanapun, kesemua suspek telah dibebaskan dari tahanan SPRM setelah reman lima hari yang dibenarkan mahkamah tamat (Bernama, 2017b; Astro Awani, 2017a).

Mac 2017: Di Sarawak, seramai 11 pegawai Imigresen Sarawak berusia antara 33 hingga 53 tahun, yang terdiri daripada lima lelaki dan enam wanita, direman bagi membantu kes berhubung dakwaan rasuah. Kesemua mereka ditahan dalam Op Batas 2 kerana disyaki menerima wang rasuah antara RM200 hingga RM500 sebagai dorongan tidak mengambil tindakan terhadap pekerja PATI yang tidak mempunyai permit kerja yang sah. Perbuatan kesemua 11 pegawai yang ditangkap disiasat mengikut sesyen 17(a), Akta SPRM 2009. Penangkapan dibuat oleh pihak SPRM pada 15 Mac 2017 di beberapa lokasi termasuklah Pejabat Imigresen Sarawak, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Pejabat Imigresen Pending dan Pusat Tahanan Depot Semuja di Serian (Tugoong, 2017; Utusan Borneo (Sabah), 2017; Astro Awani, 2017b). Mengulas lanjut mengenai penahanan pegawai JIM terbabit, Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Mustafar Ali mengulas mereka yang ditahan akan ditempatkan sementara di pejabat untuk melakukan kerja-kerja pentadbiran sementara siasatan terhadap kes mereka selesai. Ini selari dengan pendekatan JIM yang mengamalkan polisi toleransi sifar terhadap rasuah, dan pelakunya boleh berdepan tindakan termasuk dibuang kerja, digantung atau diturunkan pangkat (Astro Awani, 2017c).

April 2017: Enam pegawai Imigresen Sarawak telah didakwa secara berasingan atas pertuduhan menerima rasuah di Mahkamah Khas Rasuah di Kuching pada 10 April 2017. Pegawai pertama berusia 34 tahun telah didakwa atas dua pertuduhan kerana menerima RM100 melalui pemindahan wang dalam talian pada 22 April 2016 dan RM100 lagi pada 25 Disember 2016. Pegawai kedua berusia 32 tahun turut didakwa atas dua pertuduhan kerana menerima RM100 menerusi pemindahan bank pada 1 Januari 2017 dan RM500 pada 27 Disember 2016 (Ling, 2017). Baki empat lagi pegawai masing-masing berdepan dengan satu pertuduhan setiap seorang. Pegawai ketiga dituduh menerima RM200 melalui pemindahan bank pada 24 Disember 2016; pegawai keempat dituduh menerima RM300 pada 6 Januari 2017; pegawai kelima dituduh menerima RM200 pada 13 Disember 2016; dan pegawai keenam dituduh menerima RM1,000 pada 19 Disember 2016. Pertuduhan bagi kesemua enam pegawai imigresen terbabit adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan (Ling, 2017).

Mei 2017: Seorang pegawai JIM yang berkhidmat di Kompleks Imigresen, Kuarantin dan Kastam (ICQ) Padang Besar telah ditahan oleh SPRM pada 9 Mei 2017 di Alor Setar kerana disyaki terlibat dengan kes suapan bernilai kira-kira RM28 juta membabitkan kelulusan permit pegawai dagang pada 2015. Suspek yang berusia 37 tahun pernah berkhidmat di unit khidmat ekspatriat JIM di Putrajaya, di mana dia disyaki memperoleh wang suapan daripada seorang kontraktor pembekal pekerja asing mahir yang melibatkan urusan permohonan permit pegawai dagang (Utusan Melayu (M) Bhd, 2017a; Utusan Melayu (M) Bhd, 2017b; Bernama, 2017a; Sharif, 2017). Hasil siasatan awal pihak SPRM menunjukkan suspek mendapat sekurang-kurangnya RM1,500 daripada kontraktor berkenaan dengan memudahkan kelulusan

permit setiap pegawai dagang atau tenaga kerja asing mahir daripada pelbagai sektor. Sepanjang 2015, suspek telah meluluskan 339 permohonan yang melibatkan 18,626 pas ekspatriat pengambilan pekerja mahir dan professional (Utusan Melayu (M) Bhd, 2017; Bernama, 2017a; Sharif, 2017). Perbuatan suspek dipercayai turut dibantu oleh rakan subahatnya, yang juga merupakan seorang pegawai JIM berusia 35 tahun yang berkhidmat di Padang Besar. Suspek direman mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 dan Akta AMLA 2001 (Utusan Melayu (M) Bhd, 2017a; Utusan Melayu (M) Bhd, 2017b).

Menurut Pengarah SPRM Kedah, pihak mereka mengesyaki perbuatan rasuah suspek berdasarkan gaya hidup mewah suspek termasuk memiliki enam kenderaan mewah yang dibeli secara tunai, sedangkan suspek hanya berjawatan pegawai kerajaan dengan Gred 42. Rentetan dari penahanan suspek, pihak SPRM telah menyita asetnya yang dipercayai diperoleh hasil kegiatan rasuah yang bernilai kira-kira RM2.5 juta. Barang yang dirampas termasuklah enam kenderaan mewah bernilai kira-kira RM1.4 juta seperti kenderaan SUV jenis BMW, dua kereta jenis Honda Civic, sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) Toyota Vellfire dan sebuah motosikal berkuasa tinggi jenis BMW. Barang lain yang dirampas ialah sijil simpanan tetap bernilai RM1 juta dan pelbagai barangan mewah berupa 13 jam tangan dan 13 beg tangan wanita serta lelaki berjenama bernilai kira-kira RM130,000 (Utusan Melayu (M) Bhd, 2017).

Disember 2017: Laporan sebuah akhbar tempatan, Harian Metro bertarikh 7 Disember 2017 mendedahkan buruh haram warga Bangladesh diseludup masuk ke Malaysia melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) setiap hari yang diuruskan empat sindiket besar beroperasi di Kuala Lumpur dan Dhaka, Bangladesh (Sukaimi, 2017). Sindiket terbabit dikatakan mampu mengaut keuntungan RM5.2 juta setahun dengan mengenakan bayaran antara RM15,000 dan RM20,000 setiap seorang termasuk wang ‘pelincir’ kepada beberapa pihak berkuasa terutama anggota dan pegawai JIM serta Kedutaan Malaysia di Dhaka (Bernama, 2017c; Bernama, 2017d; Astro Awani, 2017d; Yup, 2017). Berikutan insiden tersebut, JIM telah menahan beberapa pegawainya di KLIA yang disyaki terlibat melakukan tindakan tidak berintegriti berkaitan untuk siasatan lanjut dan tindakan dalaman JIM. Tindakan lanjut, termasuk dibuang kerja, akan diambil terhadap pegawai yang terbabit jika mereka dibuktikan terlibat dalam mana-mana kes pelanggaran integriti (Bernama, 2017d; Astro Awani, 2017d; Yup, 2017). Setakat 15 Disember 2017, seramai tujuh individu telah ditangkap, termasuk kakitangan JIM dan sepasang suami isteri. Dipercayai pasangan suami isteri itu, yang mana suami adalah rakyat tempatan dan isteri warga asing, merupakan sindiket luar yang dipercayai bersekongkol dengan kakitangan JIM terbabit (Ismail, 2017c).

Mengulas lanjut mengenai perkara tersebut, Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, menegaskan kira-kira 40 peratus daripada 1,500 kakitangan JIM yang bertugas di KLIA akan dipindahkan ke bahagian lain di negeri serta ibu pejabat JIM di Putrajaya. Ia adalah sebahagian dari langkah segera dan serius kerajaan untuk menjaga imej JIM serta sebahagian dari langkah pemantauan bagi membendung masalah integriti dalam JIM (Ismail, 2017c).

Januari 2018: Seorang pegawai kanan JIM merupakan antara tiga sekeluarga yang didakwa atas tuduhan rasuah membabitkan RM12.5 juta sejak tahun 2015. Bagi kesalahan pertama, tertuduh berusia 38 tahun, yang ketika itu menjawat Ketua Unit Jawatankuasa Ekspatriat (DP10), Bahagian Khidmat Ekspatriat, Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Putrajaya, telah didakwa menerima rasuah RM100,000 daripada seorang lelaki melalui akaun Maybank atas

nama pihak ketiga. Pemberian rasuah tersebut adalah sebagai upah bagi mempercepatkan pengeluaran Surat Kelulusan Pegawai Dagang (DP10) bagi Syarikat MKAP Bina Sdn Bhd pada 16 Julai 2017, dan merupakan satu kesalahan mengikut seksyen 17(a), Akta SPRM 2009 (Iskandar, 2018; Ismail, 2018; Othman, 2018.). Bagi kesalahan kedua, tertuduh telah dituduh menerima RM50,000 daripada seorang lelaki Cina melalui akaun sama dan atas tujuan yang sama bagi mempercepatkan pengeluaran Surat Kelulusan Pegawai Dagang (DP10) bagi Syarikat Nature Sense Sdn Bhd pada 19 Jun 2015 (Iskandar, 2018; Othman, 2018).

Secara ringkasnya, laporan berita sepanjang tahun 2017 sehingga Jun 2018 menunjukkan beberapa kes penahanan, penangkapan, dan pendakwaan rasuah melibatkan anggota dan pegawai JIM telah dibuat. Kebanyakan kes yang dilaporkan membabitkan penyeludupan pekerja asing dan pekerja PATI tanpa permit kerja yang sah. Nilai suapan yang dilaporkan bagi sesuatu kes bermula dari RM100 sehinggalah nilai suapan kira-kira RM28 juta membabitkan kelulusan permit pegawai dagang. Namun dalam tempoh yang sama, tiada laporan berita yang dibuat berkenaan dengan kes sabitan melibatkan mana-mana anggota dan pegawai JIM.

Laporan Penglibatan Rasuah Melibatkan Anggota dan Pegawai JKDM (2017 – 2018)

Julai 2017: Bertindak dari maklumat orang awam, SPRM telah menahan seorang pegawai JKDM berusia 53 tahun yang berpangkat penolong penguasa kerana dipercayai meminta rasuah bagi memudahkan proses pengeksportan bahan paip serta kemudahan berkaitan paip ke luar negara sejak awal tahun 2017. Penahanan suspek telah dibuat di hadapan sebuah hentian bas di Bintulu, Sarawak pada 6 Julai 2017 ketika suspek menerima wang pendahuluan sebanyak kira-kira RM20,000. Sumber menunjukkan suspek telah meminta wang berjumlah USD10,000 (RM43,000) dari syarikat yang dilantik untuk mengeksport kesemua batang paip tersebut, yang mana suspek akan ‘menguruskan’ untuk melepaskan barangan eksport secara haram ke Dubai (Astro Awani, 2017e; Hadzman, 2017a; Shuaib 2017). Barangan yang dilepaskan suspek ialah puluhan batang paip untuk kegunaan gas asli cecair milik sebuah syarikat milik kerajaan (GLC) yang dipercayai telah dibeli oleh sebuah syarikat di Dubai pada harga RM2 juta. Di dalam kes ini, suspek dipercayai telah mengikrarkan kesemua batang paip yang dieskport sebagai barang yang telah dilupuskan bagi mengelak dari dikenakan cukai, sedangkan sebenarnya paip-paip berkenaan tidak dilupuskan tetapi akan dihantar ke Dubai menggunakan 90 kontena (Hadzman, 2017a).

Mengulas lanjut insiden ‘melepaskan paip’ untuk dieskport, SPRM tidak menolak kemungkinan perbuatan ini mungkin dilakukan oleh pegawai kastam korup yang lain yang bertugas di beberapa pelabuhan di seluruh negara. Mereka yang terlibat di dalam perbuatan sebegini akan mendapat pulangan yang lumayan hasil daripada penjualan batang paip untuk kegunaan gas asli cecair selepas mengelak daripada membayar cukai. Sumber turut mendedahkan nilai cukai bagi satu unit batang paip yang dieskport ialah RM11,000 (Hadzman, 2017b).

Ogos 2017: SPRM telah menahan seorang pegawai kanan JKDM berpangkat Penolong Pengarah yang berusia 56 tahun dan sembilan kakitangan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pahang berusia antara 39 hingga 59 tahun kerana disyaki bersubahat dengan aktiviti perlombongan bauksit secara haram. Dalam kes berkaitan, SPRM telah menyerbu pejabat PTG Pahang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Pelabuhan Kuantan, serta menggeledah kesemua rumah suspek yang ditahan, yang menyaksikan beberapa dokumen termasuk dokumen eksport, komputer riba dan borang berkaitan kastam dirampas. Selain itu, SPRM

turut menahan 18 buah lori yang sedang mengangkut bauksit dari lombong-lombong haram di sekitar Bukit Goh dan Bukit Sagu pada 1 Ogos 2017 (Azmi, 2017; Bernama, 2017e).

Oktober 2017: Dua pembantu penguatkuasa marin di JKDM Perlis telah dihadapkan ke mahkamah pada 16 Oktober 2017 atas dakwaan rasuah membabitkan nilai keseluruhan RM3,000. Suspek pertama yang berusia 49 tahun didakwa meminta suapan RM3,000 melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) yang dihantar kepada seorang lelaki pada 13 Jun 2017 sebagai dorongan untuk tidak membuat satu laporan kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), yang mana laporan tersebut boleh menyebabkan bot milik lelaki berkenaan boleh diberhentikan daripada menerima subsidi diesel dan dia perlu memulangkan semula lesen vesel dan peralatan menangkap ikan bagi bot sama. Selain itu, suspek pertama turut didakwa menerima RM3,000 daripada lelaki itu untuk tujuan sama di Taman Rekreasi Bukit Kubu di Kuala Perlis pada hari yang sama. Kedua-dua pertuduhan dibuat mengikut seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009 (Ramli, 2017). Manakala, suspek kedua berusia 43 tahun telah didakwa di bawah seksyen 28(1)(c) Akta SPRM 2009 kerana bersubahat dengan suspek pertama menerima suapan di Taman Rekreasi Bukit Kubu di Kuala Perlis pada 13 Jun 2017 (Ramli, 2017).

Secara ringkasnya, tidak ada banyak laporan berita melibatkan penahanan, penangkapan, pendakwaan dan sabitan kes rasuah anggota dan pegawai JKDM dilaporkan sepanjang tahun 2017 sehingga Jun 2018. Namun, satu kes yang dilaporkan yang mendapat liputan meluas media ialah kes membabitkan perbuatan meminta rasuah bagi memudahkan proses pengeksportan bahan paip serta kemudahan berkaitan paip ke luar negara sejak awal tahun 2017. Nilai suapan yang dilaporkan bagi kes tersebut dianggarkan bernilai kira-kira USD10,000 (RM43,000).

Kesimpulan

Keterlibatan penjawat awam, khususnya agensi penguatkuasa kerajaan, di dalam gejala rasuah adalah sesuatu yang membimbangkan. Seperti yang dilaporkan oleh laporan berita tempatan, kes tangkapan, penahanan, pendakwaan serta sabitan bagi kesalahan rasuah melibatkan agensi penguatkuasa kerajaan berlaku hampir setiap bulan di sepanjang tahun. Namun lebih membimbangkan, angka-angka yang dilaporkan bukanlah paparan sebenar jumlah kesalahan berkaitan rasuah, kerana pada dasarnya, kegiatan rasuah dilakukan secara bersembunyi. Justeru, statistik sebenar kesalahan melibatkan rasuah dipercayai lebih tinggi daripada yang direkodkan, yang mana ianya satu fenomena yang tidak sihat dan membimbangkan.

Secara ringkasnya, tiga dapatan dapat disimpulkan daripada perbincangan di atas. Pertamanya, dari segi perbandingan antara tiga agensi penguatkuasa kerajaan yang dibincangkan, kes rasuah melibatkan PDRM lebih kerap dilaporkan berbanding JIM dan JKDM. Ini kerana skop kerja PDRM yang lebih luas dan berhubung secara langsung dengan orang ramai. Secara tidak langsung, persekitaran kerja PDRM lebih banyak mendedahkan mereka kepada amalan rasuah khususnya apabila orang yang ditahan atas sesuatu kesalahan memohon untuk dilepaskan daripada sebarang tindakan undang-undang. Sebaliknya, kumpulan agensi penguatkuasa dari JIM dan JKDM mempunyai skop kerja yang agak terbatas dan bidang kerja mereka hanya terhad kepada golongan-golongan tertentu seperti, ejen pekerja asing, syarikat pembekal barangan, dan sebagainya.

Keduanya, sungguhpun kekerapan kes rasuah melibatkan JIM dan JKDM lebih sedikit berbanding PDRM, namun jumlah wang sogokan yang dilaporkan diterima oleh anggota dan

pegawai JIM dan JKDM adalah lebih tinggi. Ini kerana urusan pekerjaan JIM dan JKDM seringkali melibatkan transaksi yang besar, seperti perjanjian membawa masuk pekerja asing secara haram, penyeludupan masuk dan keluar barang secara haram dan sebagainya. Sama ada dilihat dari segi kekerapan berlakunya kes rasuah atau banyak atau sedikit jumlah wang yang terlibat di dalam sesuatu transaksi melibatkan rasuah, kedua-dua senario ini tetap memberi kesan yang negatif kepada negara dan masyarakat, dan mesti dibendung.

Ketiganya, penularan amalan rasuah seperti yang dilaporkan di dalam laporan berita bukan hanya tertumpu dikalangan anggota biasa agensi penguatkuasa, tetapi turut berlaku di kalangan kumpulan pegawai yang berjawatan tinggi. Secara relatifnya, dapatan ini menunjukkan masalah kewangan bukanlah faktor utama yang mendorong seseorang itu terjebak dengan gejala rasuah. Ini kerana ada juga golongan yang berjawatan dan berpendapatan tinggi turut menerima rasuah. Ini selari dengan beberapa kajian terdahulu seperti kajian oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2016), Yatim (2016) dan penulisan di dalam Utusan Malaysia (2016) yang menunjukkan amalan rasuah berlaku kerana kegagalan individu mengawal nafsu, tamak haloba, tidak berintegriti, sikap mahu hidup mewah, materialistik, memburu kekayaan dengan cepat, tidak bersyukur serta terikut-ikut dengan rakan sekerja.

Berdasarkan faktor-faktor yang dinyatakan di atas, semuanya menjurus kepada etika dan moral penjawat awam. Oleh yang demikian, persoalan yang boleh ditimbulkan ialah adakah tahap etika penjawat-penjawat awam, khususnya agensi penguatkuasa kerajaan, di tahap yang sangat membimbangkan? Bagi menjawab persoalan ini, satu kajian yang mendalam tentang tahap tingkah laku etika penjawat awam hendaklah dijalankan untuk mengetahui tahap tingkahlaku etika penjawat awam.

Penghargaan

Penulis merakamkan jutaan terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC), Universiti Utara Malaysia yang telah membiayai penyelidikan di bawah geran dana COE Kod S/O 13728 bertajuk ‘Tingkahlaku Etika Pegawai-pegawai Imigresen di Kedah dan Perlis’. Hasil dari pembiayaan penyelidikan tersebut, penulis telah membentangkan kertas pembentangan ini di Seminar on Law and Society II (SOLAS II) 2018 dan menerbitkan di dalam International Journal of Law, Government and Communication.

Rujukan

- Al-Marhubi, Fahim. (2000). Corruption and inflation. *Economics Letters*. Vol. 66, Issue 2, Februari 2000, 199-202.
- Al-Qudsy, Sharifah Hayaati Syed Ismail, Rahman, Asmak Ab., and Zain, Mohd. Izani bin Mohd. (2009). Pengukuhan nilai dan profesionalisme di kalangan penjawat awam ke arah efektif governan di Malaysia. *Jurnal Syariah*. Jil. 17, Bil. 3 (2009). 559-592.
- Ali, Farah Shazwani. (2018). Koperah mengaku tidak bersalah rasuah RM500. *Sinar Online*. (19 Februari 2018). Dicapai dari <http://www.sinarharian.com.my/semasa/koperah-mengaku-tidak-bersalah-rasuah-rm500-1.799966> (Capaian pada 5/8/2018).
- Annuar, Suhaila Shahrul. (2017a). Kes pusat judi, rumah urut: SPRM rampas RM800,000. *BH Online*. (18 Mei 2017). Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/node/283814> (Capaian pada 5/8/2018).
- Annuar, Suhaila Shahrul. (2017b). Pegawai kanan polis direman. *BH Online*. (23 Mei 2017). Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/node/285485> (Capaian pada 5/8/2018).

- Annuar, Suhaila Shahrul. (2017c). Lagi pegawai kanan polis direman. *BH Online*. (25 Mei 2017). Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/node/286329> (Capaian pada 5/8/2018).
- Annuar, Suhaila Shahrul. (2017d). Pegawai kanan polis dilepas dengan jaminan. *BH Online*. (29 Mei 2017). Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/node/287509> (Capaian pada 5/8/2018).
- Astro Awani. (2017a). SPRM tahan pengarah imigresen Perak, 3 individu. *Astro Awani*. (23 Februari 2017). Dicapai dari <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/sprm-tahan-pengarah-imigresen-perak-3-individu-133422> (Capaian pada 7/8/2018).
- Astro Awani. (2017b). 10 pegawai imigresen ditahan ambil rasuah lindungi PATI. *Astro Awani*. (15 Mac 2017) Dicapai dari <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/10-pegawai-imigresen-ditahan-ambil-rasuah-lindungi-pati-135621>. (Capaian pada 7/8/2018).
- Astro Awani. (2017c). 10 pegawai imigresen ditempatkan sementara di pejabat - Mustafar. *Astro Awani*. (16 Mac 2017) Dicapai dari <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/10-pegawai-imigresen-ditempatan-sementara-di-pejabat-mustafar-135773> (Capaian pada 7/8/2018).
- Astro Awani. (2017d). Pekerja asing bolos, jabatan imigresen tahan pegawai di KLIA. *Astro Awani*. (12 Disember 2017). Dicapai dari <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pekerja-asing-bolos-jabatan-imigresen-tahan-pegawai-di-klia-162748> (Capaian pada 7/8/2018).
- Astro Awani. (2017e). 'Mudahkan' proses eksport, seorang pegawai kastam ditahan SPRM. *Astro Awani*. (7 Julai 2017). Dicapai dari <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/mudahkan-proses-eksport-seorang-pegawai-kastam-ditahan-sprm-148587> (Capaian pada 8/8/2018).
- Azmi, Hilal. (2017). Bauksit: SPRM geledah sekurang-kurangnya tujuh lokasi. *Astro Awani*. (3 Ogos 2017). Dicapai dari <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/bauksit-sprm-geledah-sekurang-kurangnya-tujuh-lokasi-151365> (Capaian pada 8/8/2018).
- Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri, 'Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]', <http://www.bheuu.gov.my/index.php/akta-perlindungan-pemberi-maklumat-2010-akta711/senarai-lima-5-agensi-penguatkuasaan-utama> (diakses pada 25/7/2018).
- Baharin, Hanneeyzah Bariah. (2018a). Anggota polis dituduh rasuah. *BH Online*. (10 April 2018). Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/04/410259/anggota-polis-dituduh-rasuah> (Capaian pada 5/8/2018).
- Baharin, Hanneeyzah Bariah. (2018b). Inspektor sabit rasuah dipenjara 6 tahun. *BH Online*. (25 Februari 2018). Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/02/392727/inspektor-sabit-rasuah-dipenjara-6-tahun> (Capaian pada 5/8/2018).
- BeritaHarian. (2018). M'sia mahu rombak jabatan polis, imigresen. *BeritaHarian.sg*. (17 Jun 2018). Dicapai dari <https://www.beritaharian.sg/dunia/msia-mahu-rombak-jabatan-polis-imigresen> (Capaian pada 6/8/2018).
- Bernama. (2017a). Rasuah lebih RM20 juta, 2 pegawai imigresen ditahan. *FMT News*. (9 Mei 2017). Dicapai dari <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/05/09/rasuah-lebih-rm20-juta-2-pegawai-imigresen-ditahan/> (Capaian pada 6/8/2018).
- Bernama. (2017b). Rasuah: pegawai imigresen, 3 individu bebas. *Perak Today*. (27 Februari 2017). Dicapai dari <https://peraktoday.com.my/2017/02/rasuah-pegawai-imigresen-tiga-individu-bebas/> (Capaian pada 6/8/2018).

- Bernama. (2017c). Warga Bangladesh terlibat seludup buruh haram dikenal pasti. *MalaysiaKini*. (16 Disember 2017). Dicapai dari <https://www.malaysiakini.com/news/405698> (Capaian pada 7/8/2018).
- Bernama. (2017d). Pegawai imigresen di KLIA ditahan kes bolos warga asing. *Utusan Online*. (12 Disember 2017). Dicapai dari <https://www.utusan.com.my/mobile/berita/jenayah/pegawai-imigresen-di-klia-ditahan-kes-bolos-warga-asing-1.571484> (Capaian pada 7/8/2018).
- Bernama. (2017e). Bauksit: SPRM tahan pegawai kanan kastam, 9 kakitangan PTG. *Astro Awani*. (2 Ogos 2017). Dicapai dari <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/bauksit-sprm-tahan-pegawai-kanan-kastam-9-kakitangan-ptg-151226> (Capaian pada 8/8/2018).
- Bhargava, V. (2005). The cancer of corruption. World Bank Global Issues Seminar Series. 1 - 9. Dicapai dari: <http://siteresources.worldbank.org/EXTABOUTUS/Resources/Corruption.pdf> (Capaian pada 21/8/2018).
- Carr, I. dan Stone, P. (2018). Fighting corruption in international business. Di dalam Carr, I. dan Stone, P. *International trade law*. (6th Ed.). Oxon: Routledge.
- Garner, B.A. (ed). (2012). *Black's law dictionary*. (9th Ed.). USA: Thomson West.
- Hadzman, Maszureen. (2017a). Minta suapan lepaskan barangan eksport secara haram: pegawai kastam direman. (7 Julai 2017). *Utusan Malaysia*, m/s 1,7. Boleh dicapai dari <http://www.sprm.gov.my/images/NewspaperClipping/Angkara-rasuah.pdf> (Capaian pada 8/8/2018).
- Hadzman, Maszureen. (2017b). Rasuah lepaskan batang paip asli bukan setakat di Bintulu: pelabuhan lain turut disiasat. (9 Julai 2017). *Mingguan Malaysia*, m/s 3,15. Boleh dicapai dari <http://www.sprm.gov.my/images/NewspaperClipping/Ramai-disiasat.pdf> (Capaian pada 8/8/2018).
- Hussin, Khairul Azran. (2017). Dua polis rasuah kena jel, denda. *BH Online*. (13 Februari 2017). Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/node/247710> (Capaian pada 5/8/2018).
- Hussin, Mohd Hilmie. (2018). Ketua balai polis ditahan minta suapan RM6,000. *BH Online*. (27 Februari 2018). Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/02/393506/ketua-balai-polis-ditahan-minta-suapan-rm6000> (Capaian pada 5/8/2018).
- Ijiri, Y. (1973). A priori research in accounting: A critique. Di dalam Dopuch, N., dan Revsine, L. (Eds.). *Accounting research 1960-1970: a critical evaluation*. (20-25). Urbana, Illinois: Center for International Education and Research in Accounting.
- Iskandar, Petah Wazzan. (2018). Pegawai imigresen, isteri, kakak didakwa rasuah RM12.5j. *BH Online*. (4 Januari 2018). Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/01/370885/pegawai-imigresen-isteri-kakak-didakwa-rasuah-rm125j> (Capaian pada 6/8/2018).
- Ismail, Irwan Shafrizan. (2017a). Dua OCPD di Melaka direman. *BH Online*. (17 Mei 2018) Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/node/283564> (Capaian pada 5/8/2018).
- Ismail, Irwan Shafrizan. (2017b). Reman 9 individu termasuk 2 OCPD disambung. *BH Online*. (22 Mei 2017). Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/node/285172> (Capaian pada 5/8/2018).
- Ismail, Irwan Shafizan. (2017c). 40 peratus kakitangan jabatan imigresen KLIA dipindahkan. *BH Online*. (15 Disember 2017). Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/12/363872/40-peratus-kakitangan-jabatan-imigresen-klia-dipindahkan> (Capaian pada 7/8/2018).

- Ismail, Muhammad Nazli. (2018). Lantik pegawai SPRM di jabatan berisiko rasuah. *Sinar Online*. (9 Januari 2018). Dicapai dari <http://www.sinarharian.com.my/karya/pendapat/lantik-pegawai-sprm-di-jabatan-berisiko-rasuah-1.780889> (Capaian pada 6/8/2018).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2016). Kebersamaan memerangi rasuah. *Utusan Malaysia*. (20 Oktober 2016). m/s 25.
- Jain, A. K. (2001). Corruption: A review. *Journal of Economic Surveys*, 15(1), 71-121.
- Kronqvist, C., Runesson, H., dan Sörgård, J. (1997): *Vad är ekobrott? Brottsförebyggande Rådet*, Stockholm: Gotab, dirujuk dalam The World Bank. (n.d.). A qualitative content analysis of anti-corruption strategies 1997 – 2006. Stockholm University. Dicapai dari: <https://www.diva-portal.org/smash/get/diva2:448599/FULLTEXT01.pdf> (Capaian pada 21/8/2018).
- Lee-Chai, A. Y., dan Bargh, J. A. (2001). *The use and abuse of power: Multiple perspectives on the causes of corruption*. USA: Psychology Press-Taylor and Francis Group.
- Ling, Sharon. (2017). Enam pegawai imigresen Sarawak didakwa rasuah. *MStar*. (10 April 2017). Dicapai dari <http://www.mstar.com.my/berita/berita-mahkamah/2017/04/10/pegawai-imigresen-rasuah/> (Capaian pada 6/8/2018).
- Manimaran, G. (2018). Ikrar kastam kukuh integriti, perangai ketirisan. *Astro Awani*. (24 Julai 2018). Dicapai dari <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/ikrar-kastam-kukuh-integriti-perangi-ketirisan-181232> (Capaian pada 8/8/2018).
- Mariah Ahmad, '9 Perkara Anda Perlu Tahu Mengenai Akta Perlindungan Pemebri Maklumat 2010' (26 Julai 2015), <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/9-perkara-anda-perlu-tahu-mengenai-akta-perlindungan-pemberi-maklumat-2010-67266> (diakses pada 25/7/2018).
- Mohamed, Iskandar Shah. (2018). Inspektor wanita dicekup minta suapan. *BH Online*. (17 Mei 2018). Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/05/426885/inspektor-wanita-dicekup-minta-suapan> (Capaian pada 5/8/2018).
- Nye, J. S. (1967). Corruption and political development: A cost-benefit analysis. *American Political Science Review*, 61(2), 417-427.
- Othman, Zulqarnain. (2018). Rasuah, pegawai imigresen, isteri dan kakak didakwa. *Utusan Online*. (4 Januari 2018). Dicapai dari <http://www.utusan.com.my/berita/mahkamah/rasuah-pegawai-imigresen-isteri-dan-kakak-didakwa-1.584604> (Capaian pada 6/8/2018).
- Ramli, Muhammad Mustakim. (2017). 2 anggota kastam Perlis didakwa rasuah. *BH Online*. (16 Oktober 2017). Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/10/338106/2-anggota-kastam-perlis-didakwa-rasuah> (Capaian pada 8/8/2018).
- Rock, M. T. and Bonnett, H. (2004). The comparative politics of corruption: accounting for the east Asian paradox in empirical studies of corruption, growth and investment. *World Development*. Vol. 32, Issue 6, June 2004. 999-1017.
- Rodzi, Tuty Haryanti Ahmad. (2017). Anggota polis didenda, penjara kerana rasuah. *BH Online*. (21 Disember 2017). Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/12/366120/anggota-polis-didenda-penjara-kerana-rasuah> (Capaian pada 5/8/2018).
- Ruzki, Rafidah Mat. (2017). Pegawai polis didakwa terima rasuah. *BH Online*. (8 Mac 2017). Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/node/257388> (Capaian pada 5/8/2018).

- Safini, Shamsul Munir. (2018). Dua polis didakwa minta rasuah. *BH Online*. (12 April 2018). Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/04/411070/dua-polis-didakwa-minta-rasuah> (Capaian pada 8/8/2018).
- Satar, Akhbar. (2018). *Corruption and crime in Malaysia: Perception or reality?* Kuala Lumpur: Akhbar & Associates.
- Sharif, Aizat. (2017). SPRM 'angkut' Datuk, sita RM1.5 juta. *MyMetro*. (11 Mei 2017). Dicapai dari <https://www.hmetro.com.my/utama/2017/05/228536/sprm-angkut-datuk-sita-rm15-juta> (Capaian pada 6/8/2018).
- Sheikh Othman Sheikh Salim dan Md. Nor Ab. Ghani (Eds). (2010). *Kamus Dewan*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shuaib, Iwan Shu-Aswad. (2017). Pegawai kastam ditahan minta rasuah. *MStar*. (7 Julai 2017). Dicapai dari <http://www.mstar.com.my/berita/berita-jenayah/2017/07/07/pegawai-kastam-ditahan/> (Capaian pada 8/8/2018).
- Sukaimi, Siti A'isyah. (2017). Pegawai imigresen kena tahan. *MyMetro*. (12 Disember 2017). Dicapai dari <https://www.hmetro.com.my/utama/2017/12/293056/pegawai-imigresen-kena-tahan> (Capaian pada 7/8/2018).
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (t.t.). Statistik data pesalah rasuah. Dicapai dari <http://www.sprm.gov.my/index.php/statistik-data-pesalah> (Capaian pada 2/8/2018).
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (t.t.). Statistik tangkapan. Dicapai dari <http://www.sprm.gov.my/index.php/penguatkuasaan/statistik-operasi/statistik-tangkapan> (Capaian pada 2/8/2018).
- Syed Hussein Alatas. (2015). *The problem of corruption*. (Revised edition.). Kuala Lumpur: The Other Press Sdn. Bhd.
- The World Bank. (2017). Combatting corruption. Dicapai dari: <http://www.worldbank.org/en/topic/governance/brief/anti-corruption> (Capaian pada 21/8/2018).
- Transparency International. (n.d.). What is corruption? Dicapai dari: <https://www.transparency.org/what-is-corruption> (Capaian pada 21/8/2018).
- Tugong, Agnes. (2017). Rasuah: 11 pegawai imigresen Sarawak direman. *Utusan Borneo Online*. (16 Mac 2017). Dicapai dari <https://www.utusanborneo.com.my/2017/03/16/rasuah-11-pegawai-imigresen-sarawak-direman> (Capaian pada 6/8/2018).
- Utusan Borneo (Sabah). (2017). Dakwaan rasuah, 11 pegawai imigresen direman tujuh hari. *Pressreader*. (18 Mac 2017). Dicapai dari <https://www.pressreader.com/malaysia/utusan-borneosabah/20170318/282540133151189> (Capaian pada 6/8/2018).
- Utusan Malaysia. (2016). Penguat kuasa hangat-hangat tahi ayam, lemah integriti. *Utusan Malaysia*. (28 Oktober 2016). m/s 8.
- Utusan Melayu (M) Bhd. (2017a). Mewah terlampau: dua pegawai imigresen, kontraktor ditahan. *Utusan Online*. (10 Mei 2017). Dicapai dari <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/mewah-terlampau-dua-pegawai-imigresen-kontraktor-ditahan-1.479559> (Capaian pada 6/8/2018).
- Utusan Melayu (M) Bhd. (2017b). Rasuah jabatan imigresen: dua kontraktor ditahan. *Utusan Online*. (11 Mei 2017). Dicapai dari <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/rasuah-jabatan-imigresen-8232-dua-kontraktor-ditahan-1.479899> (Capaian pada 6/8/2018).
- Yaakob, Fatin Fazlina. (2017). 6 anggota polis dicekup SPRM. *BH Online*. (6 September 2017). Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/09/323068/6-anggota-polis-dicekup-sprm> (Capaian pada 5/8/2018).

- Yatim, Nizam. (2016). Tasawuf boleh cegah rasuah. *Utusan Malaysia* (21 Oktober 2016), m/s 13.
- Yup, Nor Shafawati. (2017). Beberapa pegawai imigresen di KLIA kes bolos warga asing. *Kosmo! Online*. (12 Disember 2017). Dicapai dari <http://www.kosmo.com.my/negara/beberapa-pegawai-imigresen-di-klia-ditahan-kes-bolos-warga-asing-1.571468>. (Capaian pada 7/8/2018).
- Yusof, Mohd Fahmi Mohd. (2017). 3 lans koperai didakwa rasuah. *BH Online*. (20 November 2017). Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/11/352962/3-lans-koperai-didakwa-rasuah> (Capaian pada 5 Ogos 2018).